

0150

R B439 AAB

UMNO - PRESIDEN (ULANGAN - MEMBETULKAN PARA TIGA DAN EMPAT)
RRRRRRRRR

KUALA LUMPUR, 11 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN DICABAR OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BAGI MEREbut JAWATAN PRESIDEN UMNO PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI 24 APRIL INI.

TENGGU RAZALEIGH MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA BERTANDING JAWATAN TERTINGGI PARTI ITU PADA SATU PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PENYOKONGNYA DI PULAU PINANG KIRA-KIRA PUKUL 3.30 PETANG INI.

BEKAS BENDAHARI UMNO ITU MEMPEROLEHI 37 PENCALONAN BAGI MEREbut JAWATAN ITU, BERBANDING DENGAN PERDANA MENTERI YANG MENDAPAT 89 PENCALONAN UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDUDUKANNYA BAGI PENGGAL KETIGA SEJAK TAHUN 1981.

INI MERUPAKAN KALI KEDUA JAWATAN PRESIDEN UMNO DIPERTANDINGKAN SEJAK PARTI ITU DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946. KALI PERTAMA IALAH PADA 1978 APABILA PRESIDEN KETIKA ITU, TUN HUSSEIN ONN DITENTANG OLEH BEKAS KETUA PENERANGAN UMNO HAJI SULEIMAN PALESTIN.

DENGAN PENGUMUMAN TENGGU RAZALEIGH ITU, BERMAKNA SEMUA JAWATAN DALAM MAJLIS TERTINGGI AKAN DITANDINGI. -- LAGI.

2138MST 11 04 87

0020

B B440 AAB

UMNO - PRESIDEN 2 KUALA LUMPUR RRR

PERTANDINGAN BAGI MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN JUGA MERUPAKAN PERTENTANGAN SATU LAWAN SATU ANTARA DATUK MUSA HITAM DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK ABDUL GHAFAR BABA.

DATUK MUSA YANG MEMPERTAHANKAN JAWATANNYA BUAT KALI KETIGA MENERIMA 49 PENCALONAN MANAKALA ENCIK GHAFAR, YANG BERTANDING BUAT KALI PERTAMA UNTUK JAWATAN TERSEBUT MENDAPAT 76 PENCALONAN.

KEDUA-DUA TOKOH JUGA TELAH DICALONKAN UNTUK JAWATAN PRESIDEN DAN NAIB PRESIDEN. BEGITU JUGA TENGGU RAZALEIGH SELAIN DICALONKAN BAGI JAWATAN PRESIDEN, BELIAU JUGA MENERIMA PENCALONAN UNTUK BERTANDING JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DAN NAIB PRESIDEN.

BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN, SERAMAI 20 ORANG TELAH DICALONKAN UNTUK MENGISI TIGA BUAH KERUSI.

KECUALI ENCIK GHAFAR YANG HANYA BERTANDING UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN KALI INI, DUA LAGI PENYANDANG IAITU MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DAN MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD AKAN MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN MEREKA. -- LAGI.

1732MST 11 04 87

0021

B B441 AAB

UMNO - PRESIDEN 3 KUALA LUMPUR RRR

DATUK ABDULLAH BADAWI MERUPAKAN ORANG YANG PERTAMA MENGESAHKAN PENERIMAAN PENCALONANNYA BAGI MEREbut JAWATAN ITU TIGA HARI LALU.

TOKOH-TOKOH LAIN YANG DICALONKAN IALAH MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM, SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, MENTERI BESARPAHANG DATUK KHALIL YAAKOB, MENTERI PELAJARAN YANG JUGA KETUA PEMUDA UMNO ENCIK ANWAR IBRAHIM, BEKAS KETUA PEMUDA UMNO DATUK HAJI HARUN IDRIS, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DATUK MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD, KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI RAHIM THAMBY CHIK.

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK ABU HASSAN OMAR, ANGGOTA PARLIMEN KOK LANAS DATUK ABDULLAH AHMAD, MENTERI PENERANGAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, BEKAS MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK SERI ADIB ADAM, MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD DAN DUA ORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI, PUAN MARINA YUSOF DAN DATUK HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN. -- BERNAMA.

1734MST 11 04 87